

SULIT
3766/2
Perniagaan
Kertas 1
2024
1jam 15 minit



UJIAN DIAGNOSTIK

PERNIAGAAN

KERTAS 1
Satu Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A,B,C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak


Jawab semua Soalan

1. Apakah tujuan perniagaan?
 - A. Meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - B. Menawarkan barang dan perkhidmatan
 - C. Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
 - D. Memastikan perniagaan dapat beroperasi lebih lama

2. Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.
 - Mudah ditubuhkan dan mudah diurus
 - Dikenakan cukai individu
 - Keputusan sepenuhnya dibuat oleh pemilik

Apakah contoh pemilikan perniagaan tersebut?

- A. Mercu Jaya Sdn Bhd
 - B. Sepakat Maju Enterprise
 - C. Tenaga Nasional Berhad
 - D. Kedai Dobi Diana dan Rakan-rakan
3. Rajah berikut berkaitan dengan sektor perniagaan



Apakah bidang pekerjaan yang boleh dikategorikan dalam sektor X?

- A. Tukang Jahit
- B. Buruh Binaan
- C. Penternak ayam
- D. Jurugambar

4. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Roshaniza

Puan Roshaniza merupakan pemilik Kilang Kerepek Ubi Rasa Manis yang terletak di Jasin, Melaka. Beliau mempunyai seramai 50 orang pekerja tetap dan 15 orang pekerja sambilan. Jumlah jualan tahunan perniagaannya adalah sebanyak RM100,000 setahun.

Apakah saiz perniagaan Kilang Kerepek Ubi Rasa Manis?

- A. Kecil
- B. Besar
- C. Global
- D. Sederhana

5. Maklumat berikut menunjukkan peranan kerajaan di Malaysia

Menangani isu perniagaan dari aspek perundangan, kewangan dan perkembangan aktiviti perniagaan

Kerajaan manakah berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A. Pusat
- B. Negeri
- C. Tempatan
- D. Pihak Berkuasa Tempatan

6. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran kitaran?

- I. Melaksanakan dasar fiskal
- II. Melaksanakan dasar kewangan
- III. Melaksanakan pengecualian cukai
- IV. Melaksanakan ekonomi terancang

- | | |
|---------------|---------------|
| A. I dan II | B. I dan IV |
| C. II dan III | D. III dan IV |

7. Maklumat berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi

- Kerajaan mengubah perbelanjaan kerajaan
- Bank Pusat mengawal penawaran barang

Tindakan kerajaan meningkatkan ekonomi negara melalui :

- I. Dasar cukai
 - II. Dasar subsidi
 - III. Dasar fiskal
 - IV. Dasar kewangan
-
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

8. Maklumat berikut menunjukkan masalah yang dihadapi oleh Busana Muslimah Saliza

Busana Muslimah Saliza terpaksa menamatkan perniagaannya kerana menanggung kerugian

Apakah faktor dalaman yang menyebabkan perubahan persekitaran perniagaan di atas?

- A. Kemerosotan ekonomi
- B. Kekuatan pihak pesaing
- C. Ketidakcekapan pengurusan
- D. Perubahan cita rasa pelanggan

9. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan konsep visi.

- I. Ditetapkan oleh pihak pengurusan atasan
 - II. Penetapan perancangan jangka masa panjang
 - III. Merupakan pembentukan maklumat lebih khusus
 - IV. Dapat dicapai dalam masa kurang daripada lima tahun
-
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

10. Antara yang berikut, yang manakah akan terjadi kepada Syarikat yang gagal mencapai matlamat dan objektif?
- I Tidak mampu membayar kos perniagaan
 - II Mengembangkan perniagaan
 - III Jualan meningkat
 - IV Jualan merosot
- | | |
|-----------------|-----------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
11. Megah Holdings Sdn. Bhd. Menggunakan Carta Ganty untuk merancang masa yang diperlukan bagi menyiapkan projek perumahan Taman Perdana di Alor Gajah. Carta Gantt ini membantu Megah Holdings Sdn. Bhd. membuat perbandingan masa dirancang dengan sebenar.
- Apakah ciri-ciri objektif yang diaplikasikan oleh Megah Holdings Sdn. Bhd. dalam memastikan objektifnya tercapai?
- A. Spesifik
 - B. Boleh diukur
 - C. Jangka masa
 - D. Boleh dicapai
12. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis-jenis kos.
- | | |
|----------|--|
| P | Kos yang tidak dipengaruhi oleh kuantiti dalam sesuatu pengeluaran |
| Q | Kos yang ditanggung bergantung pada kuantiti produk yang dikeluarkan |
- A. P: Kos pengeluaran, Q: Kos berubah
 - B. P: Kos berubah, Q: Kos pengeluaran
 - C. P: Kos berubah, Q: Kos tetap
 - D. P: Kos tetap, Q: Kos berubah

13. Pernyataan berikut berkaitan dengan peranan bahagian fungsian sesebuah perniagaan.

En Fairus menjalankan penyeliaan pasaran untuk mendapatkan maklum balas berkenaan dengan produk yang akan dipasarkan hujung tahun 2024.

Apakah peranan fungsian yang dijalankan oleh En Fairus?

- A Jualan
- B Pembelian
- C Pemasaran
- D Pengeluaran

14. Antara yang berikut, manakah merupakan peranan bahagian fungsian pengeluaran?

- I Menjalani aktiviti yang mengurangkan kos dan memaksimumkan keuntungan
 - II Memenuhi keperluan dan kehendak
 - III Menukar input kepada output
 - IV Menjalankan aktiviti kawalan awalan, semasa dan selepas
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15. Gambar di bawah berkaitan dengan Syarikat Pasar Mini Yaya



Saluran pengagihan manakah sesuai untuk produk tersebut?

- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- B Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Pengguna

16. Bahagian fungsian manakah yang wujud di dalam perniagaan kecil?

- A. Jualan
- B. Khidmat Pelanggan
- C. Pengurusan sumber manusia
- D. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

17. Pernyataan manakah menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?

- A. Usaha untuk membina imej baik organisasi.
- B. Usaha untuk membangunkan tenaga kerja dalam organisasi.
- C. Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan.
- D. Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi.

18. Pernyataan yang manakah berkaitan tujuan bahagian fungsian sumber manusia?
- Menjawab pertanyaan pelanggan
 - Memastikan bahan mentah untuk pengeluaran mencukupi
 - Memastikan organisasi mempunyai pekerja yang berkemahiran
 - Menyediakan pakar untuk memberikan maklumat mengikut kehendak pelanggan
19. Mengapakah kemahiran kebolehkerjaan amat penting bagi seorang bakal graduan?
- Majikan berminat menawarkan kerja
 - Dapat merancang dan mengurus diri
 - Dapat berkomunikasi dengan berkesan
 - Mampu untuk menyelesaikan masalah
20. Apakah faktor yang dipertimbangkan oleh seseorang majikan untuk menentukan pembayaran gaji kepada pekerjanya?
- Bilangan pekerja tetap
 - Jumlah produk yang dikeluarkan
 - Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
 - Peraturan dan undang-undang Kerajaan
- | | |
|---------------|---------------|
| A. I dan II | B. I dan IV |
| C. II dan III | D. III dan IV |
21. Antara berikut, yang manakah merupakan sumber fizikal?
- | | |
|-----|----------------|
| I | Bahan Mentah |
| II | Lukisan |
| III | Lesen Perisian |
| IV | Produk Siap |
- | | |
|---|------------|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |
22. Apakah kesan utama pengurusan sumber fizikal yang tidak berkesan?
- Penurunan motivasi pekerja
 - Penurunan dalam kualiti produk
 - Penurunan dalam kos operasi
 - Peningkatan dalam keuntungan

23. Maklumat berikut merupakan berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal.

- Insurans kebakaran
- Insurans kecurian
- Insurans penghantaran barang tertangguh
- Insurans kehilangan atau kerosakan barang

Antara yang berikut, yang manakah tujuan perniagaan mencarum insurans?

- I Melindungi hasil ciptaan
 - II Mengelakkan berlaku kerugian
 - III Melindungi perniagaan daripada risiko
 - IV Memastikan asset memenuhi piawaian keselamatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
24. Antara berikut, sumber yang manakah perlu diurus dengan mendaftar hak cipta terpelihara?
- I Filem Boboiboy The Movie
 - II Reka bentuk kereta Proton X70
 - III Rekaan bentuk bangunan tinggi
 - IV Lagu ciptaan penyanyi Hakim Rosli
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
25. Antara berikut, yang manakah bukan sumber pembiayaan luaran?
- A Syer
 - B Rizab
 - C Geran R & D
 - D Bantuan modal

26. Zafaran menjual air pelbagai perisa di pasar malam. Bagaimanakah dia mendapatkan modal?
- Mencagarkan tanah milik ibunya
 - Menggunakan wang tabung miliknya
 - Membeli invois dari syarikat pemfaktoran
 - Mendapatkan pinjaman daripada Maybank
27. Dokumen berikut perlu dikemukakan Harraz bagi mendapatkan pemberian untuk membesar perniagaan miliknya.
- I Rekod jualan
 - II Salinan bil utiliti
 - III Salinan kad pengenalan
 - IV Gambar lokasi perniagaan
- I, II dan III
 - I, II dan IV
 - II, III dan IV
 - Semua di atas
28. Mengapakah penjamin diperlukan jika memohon pemberian?
- Menyediakan dokumen bagi pihak bank
 - Menanggung liabiliti bagi pihak peminjam
 - Memberi khidmat nasihat kepada pihak bank
 - Membantu peminjam mendapatkan kelulusan pihak bank
29. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Setia Sdn Bhd.

Untung kasar	:RM8 000
Sewa Premis	:RM5 000
Insurans	:RM2 000
Komisyen diterima	:RM4 700
Faedah simpanan	:RM3 000

Hitung untung bersih yang diperoleh Perniagaan Setia Sdn Bhd.

- RM8 700
- RM8 600
- RM8 500
- RM8 400

30. Antara yang berikut ,komponen yang manakah merupakan aset semasa?

- I Mesin
 - II Kenderaan
 - III Deposit semasa
 - IV Akaun belum terima
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

31. Berikut ialah maklumat nisbah semasa bagi Afrina Enterprise untuk tahun 2022 dan tahun 2023.

Tahun	Nisbah semasa
2022	2.2%
2023	3.3%

Tafsirkan prestasi perniagaan bagi tahun 2022 berbanding dengan tahun 2023

- A. Prestasi perniagaan merosot dan tidak mampu membayar hutang
 - B. Risiko perniagaan telah meningkat dan pelaburan kurang memberi pulangan
 - C. Kemampuan perniagaan membayar hutang dalam tempoh singkat telah meningkat
 - D. Prestasi perniagaan telah merosot dan hanya mampu membayar hutang untuk tempoh masa yang panjang
32. Antara yang berikut, yang manakah adalah ciri-ciri keperibadian seorang yang digelar usahawan?
- I. Berani menghadapi isu
 - II. Pandai berkomunikasi
 - III. Komitmen yang tinggi
 - IV. Semangat berpasukan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

33. Pemilihan lokasi perniagaan yang baik sangat penting kerana lokasi yang baik dapat meningkatkan jualan perniagaan.

Apakah ciri-ciri lokasi yang baik ?

- I. Tempat yang mempunyai kunjungan ramai
 - II. Lokasi berjauhan dengan pesaing
 - III. Kos mendapatkan tapak perniagaan rendah
 - IV. Berhampiran dengan pelanggan dan pembekal
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

34. Apakah faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan?

- A. Persaingan
- B. Lokasi yang sesuai
- C. Matlamat peribadi peniaga
- D. Keupayaan membina jenama

35. Apakah jenis perniagaan yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A. Klinik Aman & Rakan-rakan
- B. Lazat Corner Bhd.
- C. Bawal Cantique Sdn. Bhd
- D. Suruhanjaya Koperasi Malaysia

36. Penamatan perniagaan boleh didaftarkan atas sebab-sebab di bawah KECUALI:

- A. Bankrap
- B. Kematian
- C. Perintah mahkamah
- D. Perubahan jenis perniagaan

37. Antara yang berikut, yang manakah dokumen yang perlu disimpan dalam rekod kos operasi?

- I. Bil Resit
 - II. Bil utiliti
 - III. Bil pengangkutan
 - IV. Penyata bank
-
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

38. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?
- Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang akan dijalankan.
 - Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang sedang dijalankan.
 - Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang telah dijalankan.
 - Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang hendak dijalankan secara menyeluruh dan terperinci
39. Rajah 1 menunjukkan sebahagian daripada butiran yang ada dalam rancangan perniagaan.



Rajah 1

Apakah Q?

- Lampiran
 - Rancangan pentadbiran
 - Rancangan pemasaran
 - Latar belakang perniagaan
40. Antara yang berikut, pihak manakah berkepentingan terhadap rancangan perniagaan?
- Pembiutang
 - Pihak bank
 - Pelabur
 - Pesaing
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT